

B 8788 AAB
MAHATHIR - KOMPONEN
DARIPADA ABDUL RACHMAN NORODIN DAN LESLIE LIM
(I)

NEW DELHI, 31 JAN (BERNAMA) -- MALAYSIA HARUS MEMPERTIMBANGKAN USAHA ARAH MENGADAKAN USAHASAMA DENGAN INDIA DALAM PENGELUARAN KOMPONEN-KOMPONEN KENDERAAN DALAM MEMBANTU KEDUA-DUA NEGARA YANG TURUT TERJEJAS AKIBAT KENAIKAN NILAI YEN, KATA DATUK SERI DR MAHATHIR MOHAMAD HARI INI.

PERDANA MENTERI MEMBERITAHU PEMBERITA MALAYSIA DI SINI BAHAWA BELIAU MENCADANGKAN DEMIKIAN KEPADA RAKAN SEJAWATANNYA, ENCIK RAJIV GANDHI SEMASA PERBINCANGAN DUA JAM DENGAN PEMIMPIN INDIA ITU SEMALAM, MEMANDANGKAN INDIA BOLEH MENGELUARKAN KOMPONEN-KOMPONEN BERKENAAN DALAM KADAR YANG BANYAK.

DATUK SERI DR MAHATHIR BERKATA MEMANDANGKAN KEPADA NILAI YEN, MALAYSIA PADA MASA INI CUBA MENDAPATKAN KOMPONEN-KOMPONEN ITU DARI NEGARA-NEGARA LAIN, SELAIN JEPUN.

BELIAU BERKATA MALAYSIA DAN INDIA, YANG MENGIMPORT KOMPONEN BERKENAAN DENGAN JUMLAH YANG BANYAK DARI JEPUN, BERDEPAN DENGAN MASALAH YANG SAMA IAITU MEMBAYAR LEBIH UNTUK BARANGAN BERKENAAN KERANA KENAIKAN NILAI YEN.

DATUK SERI DR MAHATHIR BERKATA: +SAYA MENCADANGKAN, BARANGKALI, IA AKAN MENGUNTINGKAN JIKA MALAYSIA BERUSAHA DENGAN INDIA MENGADAKAN BEBERAPA USAHASAMA DALAM MENGELUARKAN KOMPONEN-KOMPONEN TERTENTU.+

-- LAGI
2030MST 31 01 87

B 8789 AAB
MAHATHIR - KOMPONEN 2 NEW DELHI
(I)

DATUK SERI DR MAHATHIR BERKATA SEKIRANYA CADANGAN ITU MENJADI KENYATAAN DAN JIKA PIAWAIAN INDIA BOLEH DITERIMA DARIPADA SEGI MUTU, MALAYSIA AKAN MEMBELI KOMPONEN BUATAN NEGARA ITU.

PERDANA MENTERI BERKATA PEMBELIAN SEDEMIKIAN AKAN TURUT MEMBANTU MENGURANGKAN KETIDAKSEIMBANGAN DAGANGAN ANTARA INDIA DENGAN MALAYSIA YANG PADA MASA INI LEBIH MENGUNTINGKAN MALAYSIA. MALAYSIA MENDAPAT LEBIHAN DAGANGAN SEBANYAK \$800 JUTA.

SEMASA MENJAWAB SATU SOALAN LAIN, DATUK SERI DR MAHATHIR BERKATA BAHAWA MALAYSIA HARUS BIMBANG JIKA TEMPAT MALAYSIA SEBAGAI PENGEKSORT UTAMA MINYAK SAWIT KE INDIA DIAMBIL ALIH OLEH NEGARA-NEGARA LAIN ASEAN.

OLEH ITU, MALAYSIA PERLU Mencari JALAN UNTUK BERSAING DAN MENGURANGKAN KOS PENGELUARAN, TAMBAHNYA.

MALAYSIA TIDAK BOLEH MENGELUARKAN BARANGAN DENGAN HARGA YANG TINGGI SEKARANG OLEH KERANA HARGA KOMODITI YANG TELAH MEROSOT. --

BERNAMA
2042MST 31 01 87